

Tuduhan Tee Keat serius – Hishammuddin

Oleh ROSNI HASSAN

MELAKA 14 Sept. – Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata, tuduhan Datuk Ong Tee Keat bahawa pegawai kerajaan melesapkan wang peruntukan adalah sangat serius, menyebabkan beliau membawa isu itu ke mesyuarat Kabinet semalam.

Katanya, tuduhan Timbalan Menteri Pengajian Tinggi itu menggambarkan pegawai kerajaan pernah melesapkan peruntukan untuk membantu Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) tertentu yang kurang selamat.

“Ini merupakan tuduhan yang serius dan tidak kena tempat, sebab itu ia dibawa ke Jemaah Menteri semalam dan diterangkan kepada semua ahli Jemaah Menteri.

“Cara tuduhan itu dilemparkan kepada kementerian, saya tak boleh terima, sebab itu saya bawa kepada Jemaah Menteri,” ujarnya kepada pemberita selepas Majlis Penutup Persidangan Perkhidmatan Pendidikan, di sini hari ini.

Semalam Tee Keat menyifatkan Hishammuddin melancarkan serangan peribadi terhadap beliau mengenai perkara yang tidak dilakukannya.

Menurut Naib Presiden MCA itu, beliau tidak pernah menuduh pegawai kerajaan melesapkan wang peruntukan itu dalam ucapannya, tetapi ia telah disalah terjemah.

Dalam hubungan ini Hishammuddin berkata, beliau memang sudah menduga Tee Keat akan menggunakan istilah tertentu untuk mengguri pemikiran orang

ramai.

“Dia kata itu serangan peribadi serta mendakwa kenyataannya telah disalah terjemah dan sebagainya. Saya tak buat serangan peribadi, tapi itu peribadi Tee Keat sendiri.

“Saya nak beritahu beliau, beliau lupa saya datang dari Muar, ucapan beliau di Muar, saudara saya ramai di Muar, tak perlu penterjemah pun.

“Saya bukan seorang yang melatah, melenting tak tentu arah, lama kelamaan orang boleh menilai sendiri,” tegas beliau.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mustapa Mohamed semalam meminta maaf atas keterlanjuran timbalannya itu yang menyinggung perasaan pegawai Kementerian Pelajaran.

Hishammuddin mengucapkan terima kasih atas permohonan maaf itu dan mengakui ia telah meredakan kemarahan dan keresahan pegawai kerajaan yang dituduh sedemikian rupa.

“Saya berterima kasih kepada Tok Pa, bahawa kerjasama kita dengan Kementerian Pengajian Tinggi tidak akan terjejas dan permohonan maaf itu telah diterima baik oleh pegawai kita,” katanya.

Hishammuddin menjelaskan, pihak ke-

Ini merupakan tuduhan yang serius dan tidak kena tempat, sebab itu ia dibawa ke Jemaah Menteri semalam dan diterangkan kepada semua ahli Jemaah Menteri

UM-15/9/2006

HISHAMMUDDIN
TUN HUSSEIN
Menteri Pelajaran

menterian sentiasa bertanggungjawab dalam memartabatkan pendidikan negara.

Beliau tidak akan membenarkan sebarang tuduhan yang melulu dilakukan oleh mana-mana pihak sehingga mewujudkan persepsi tidak baik terhadap kementerian.

Kes tersebut jelas beliau, jika disiasat betul-betul membabitkan Jabatan Kerja Raya (JKR) kerana jabatan itu telah diminta untuk menyelesaikan masalah membabitkan sekolah tidak selamat.

“Jadi kalau tak Kementerian Pelajaran yang dikatakan melesapkan duit, bukan Jabatan Pelajaran Negeri, apa maksud beliau yang melesapkan duit, pegawai JKR ke? Jadi kenyataan seperti itu tak bertanggungjawab sungguh,” katanya.

Sehubungan itu katanya, beliau tidak mahu memanjangkan isu kenyataan Tee Keat kerana timbalan menteri itu tidak konsisten berhubung kenyataannya apabila membuat kenyataan dan kemudiannya menarik balik.

Hishammuddin menegaskan, beliau sama sekali tidak akan berkompromi dalam hal melibatkan rasuah dan penyelewengan wang rakyat.

Katanya, terdapat 114 buah SJKC dika-

tegorikan tidak selamat dan ia diletakkan di bawah tanggungjawab JKR.

Bagaimanapun, jelasnya, beliau telah meminta pegawainya menghubungi sekolah-sekolah tersebut dengan dipantau oleh Timbalan Menteri Pelajaran, Datuk Hon Choon Kim.

“Bila kita siasat, kita akan umumkan dan jika ada mereka yang lesapkan duit dan ia pegawai kerajaan, saya sendiri akan serahkan laporan itu kepada polis dan Badan Pencegah Rasuah (BPR),” katanya.